



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK
SAHABAT B.I.J.A.K.
"SAFE AND PROTECT"
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**PADA
17 OGOS 2015 (ISNIN)
DI SK. SIOL KANAN, KUCHING SARAWAK**

<SALUTASI>

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Saudara/i Pengacara Majlis;

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan Rahmat-Nya, kita dapat bertemu di SK Siol Kanan, Semariang pada hari ini dalam **MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK SAHABAT B.I.J.A.K. "SAFE AND PROTECT" PERINGKAT NEGERI SARAWAK.**
2. Terlebih dahulu sukacita saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak serta Jabatan Pelajaran Sarawak kerana menjemput saya bagi melancarkan kempen ini diperingkat negeri Sarawak.
3. Seperti yang kita semua maklum, kanak-kanak merupakan aset penting kepada nadi pembangunan sesebuah negara. Sesungguhnya Kanak-kanak hari ini bakal mewarisi legasi kepimpinan Negara. Modal insan ini merupakan tonggak harapan yang akan mencorak dan melestari pembangunan dan kegemilangan negara di masa hadapan.
4. Namun realitinya pada masa ini, keselamatan kanak-kanak di Malaysia agak membimbangkan. Melalui media cetak mahupun elektronik saban hari kita disogok dengan bermacam-macam peristiwa membabitkan kanak-kanak terlibat dalam kemalangan atau sebagai mangsa penderaan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

5. Kementerian saya begitu memandang serius isu keselamatan kanak-kanak yang mewakili satu pertiga atau 10.5 juta daripada jumlah penduduk Malaysia berikutan kejadian jenayah, kecuaiian dan pengabaian yang sejak kebelakangan ini semakin meningkat.
6. Perkataan keselamatan lazimnya sinonim dengan usaha untuk mencegah kemalangan. Oleh itu, prosedur mencegah kemalangan perlu dididik dan diterap kepada minda setiap kanak-kanak seawal mungkin. Kita tidak boleh beranggapan bahawa kanak-kanak mengetahui tentang risiko dan bahaya yang ada. Kejadian kemalangan boleh berlaku di mana-mana sahaja sama ada di rumah, di sekolah, di padang permainan, di dalam kenderaan atau bas sekolah apatah lagi di jalan raya.

TANGGUNGJAWAB MENJAGA KESELAMATAN KANAK-KANAK

7. Semasa kanak-kanak berada di rumah mereka adalah di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga mereka masing-masing. Justeru itu, pihak ibu bapa atau penjaga adalah bertanggungjawab sepenuhnya melakukan pengawasan dan penjagaan kanak-kanak sama ada di dalam mahupun di luar rumah.
8. Begitu juga ketika kanak-kanak berada di padang permainan, kanak-kanak didedahkan dengan aktiviti fizikal yang kadang kala mempunyai risiko mendatangkan kecederaan sekiranya berlaku kemalangan. Segala aktiviti fizikal yang dilakukan kanak-kanak, perlulah sentiasa dipantau oleh ibu bapa, penjaga atau guru yang bersama mereka.
9. Pendidikan Keselamatan kanak-kanak di sekolah juga amat penting kerana ianya melindungi kanak-kanak daripada sebarang kemalangan. Justeru itu, pihak sekolah khususnya para guru perlulah sentiasa peka dan bertanggung jawab memastikan keselamatan kanak-kanak di sekolah tidak diabaikan, agar mereka sentiasa berada dalam keadaan selamat. Para guru perlu membantu kanak-kanak mengambil langkah berjaga-jaga dengan memastikan mereka mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

KEMPEN KESELAMATAN KANAK-KANAK SAHABAT B.I.J.A.K

10. Menyedari hakikat bahawa kanak-kanak berisiko terlibat dalam kemalangan di mana-mana sahaja, maka itu sebagai inisiatif pihak kerajaan khususnya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil langkah proaktif dengan mengadakan Kempen Keselamatan Sahabat B.I.J.A.K. "*Safe and Protect* " yang akan saya lancarkan sebentar nanti.
11. Sebenarnya perkataan B.I.J.A.K. itu mempunyai akronim tersendiri iaitu, BANTERAS, INDEKS, JENAYAH, TERHADAP KANAK-KANAK. Justeru itu, dalam konteks kempen keselamatan ini ianya juga meliputi usaha untuk mencegah, mengelak atau membanteras kanak-kanak dari menjadi mangsa kegiatan jenayah yang berupa penderaan dan eksploitasi dari aspek fizikal, seksual, emosi dan pengabaian.

PENDERAAN FIZIKAL

12. Penderaan fizikal adalah satu perlakuan yang sengaja dilakukan ke atas fizikal kanak-kanak. Sekiranya ibu bapa atau penjaga kanak-kanak memukul dengan tidak berniat untuk mencederakannya, namun berlaku kecederaan pada kanak-kanak itu tidaklah dapat ditafsirkan sebagai penderaan.

13. Kini saban tahun beratus-ratus kanak-kanak dcederakan melalui penderaan oleh orang dewasa yang rapat dengannya. Terdapat juga antara kes-kes tersebut yang tidak dapat diselamatkan dan akhirnya membawa maut.

PENDERAAN SEKSUAL

14. Tindakan ini meliputi mengeksploitasi seksual, yakni mendedahkan kanak-kanak pada bahan lucah dan fonografi melalui internet. Memaksa kanak-kanak untuk perhubungan sulit seks melalui internet, mendedahkan kanak-kanak kepada bahan lucah pada filem atau majalah fonografi serta menjadikan mereka sebagai bahan pengeluaran fonografi samada melalui filem atau majalah. Begitu juga ada yang sanggup menjadikan kanak-kanak sebagai tempat untuk melempias nafsu seks mereka.

PENDERAAN EMOSI

15. Ini berlaku apabila ibubapa atau penjaga tidak memberi keperluan asas kanak-kanak termasuk kasih sayang, gagal memberi keperluan psikologi, mengkasari pasangan hidup di hadapan kanak-kanak ataupun melakukan penyalahgunaan dadah atau alkohol di rumah serta membiarkan kanak-kanak terlibat sama.

KEMPEN KESEDARAN

16. Menyedari berlakunya fenomena ini, Bahagian Kanak-Kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mencadangkan satu inisiatif baru iaitu dengan mengadakan Kempen Keselamatan Kanak-kanak. **Kempen ini merupakan satu bentuk advokasi dan literasi undang-undang yang akan bergerak dari sekolah ke sekolah.**
17. Kempen ini merupakan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) JKM bersama Jabatan Pendidikan, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Agensi Anti Dadah,(AADK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Bomba dan Penyelamat, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan PIBG.

PELAKSANAAN KEMPEN

18. Pelancaran Kempen ini Peringkat Kebangsaan juga telah dilakukan sendiri oleh saya pada 14 Oktober 2014 bertempat di SJK(C) Cheng, Melaka. Fasa Pertama Program mensasarkan lima (5) buah sekolah rendah di negeri Melaka dipilih sepanjang tahun 2014 dengan penglibatan seramai 2000 orang pelajar (sebagai perintis) dan telahpun dilaksanakan sepenuhnya.
19. Pada tahun 2015 pula sebanyak 60 buah sekolah rendah di seluruh Negara dipilih dengan melibatkan seramai 24,000 orang pelajar. Ini termasuklah 1600 kanak-kanak di beberapa buah sekolah terpilih di Sarawak.
20. Fasa Kedua, nanti ianya akan diperluaskan ke Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) dan Sekolah Menengah seluruh Negara. Kempen ini juga akan diperluas penyertaannya kepada ibu bapa dan anggota masyarakat bagi meningkatkan pengetahuan serta melaksanakan tanggungjawab dalam menjaga keselamatan kanak-kanak.

MODUL KEMPEN

21. Untuk makluman modul kempen ini adalah akan mengguna pakai modul yang telah dibangunkan oleh Bahagian Kanak-kanak,JKM dengan kerjasama JKMN Melaka.Modul ini merangkumi kaedah pelaksanaan berbentuk ceramah,penyebaran risalah, sesi interaksi, tayangan video, sesi perkongsian, demonstrasi, kuiz keselamatan kanak-kanak, simulasi "role play" pameran dan penyertaan keahlian Kelab Sahabat B.I.J.A.K di sekolah.
22. Melalui kempen keselamatan kanak-kanak – SAHABAT B.I.J.A.K."*Safe and Protect* " ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kanak-kanak, ibubapa serta orang dewasa terutama dari aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dengan lebih mendalam.
23. Melalui kempen Sahabat B.I.J.A.K ini nanti, marilah kita sama-sama berusaha berganding bahu mengambheng usaha menyatukan minda serta mata fikir kita ke arah usaha mendidik dan menyedarkan bukan sahaja golongan kanak-kanak malah para ibubapa, guru-guru sekaligus segenap lapisan anggota masyarakat untuk merealisasikan usaha murni ini sehingga berjaya mencapai matlamat dan tujuan yang kita cuba sasarkan.
24. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sukacita saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa persiapan serta semua agensi yang terlibat yang telah bertungkus lumus melakukan persiapan program pelancaran kempen keselamatan ini.

PENUTUP

25. Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmannirahim saya dengan rasminya melancarkan Kempen SAHABAT B.I.J.A.K "*Safe and Protect* " Peringkat Negeri Sarawak pada pagi ini dengan rasminya.

Sekian, wabillahhi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.